

PM: Malaysia tambah baik ekosistem pelaburan

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan terus menambah baik ekosistem dan landskap pelaburan bagi menggalakkan lebih banyak kemasukan pelaburan langsung asing ke negara ini.


Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, usaha-usaha ke arah itu sedang serius dilaksanakan kerajaan bagi memastikan Malaysia terus maju dan makmur.

"Semoga ekonomi Malaysia terus makmur dan mapan dan kerajaan sedang serius ke arah menarik lebih banyak pelabur," kata beliau di Facebook semalam.

Terdahulu Anwar pada majlis menyampaikan Pas Pelabur Strategik dan Pekerja Nomad Digital dalam sektor pembuatan di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya mengumumkan hasrat untuk memperluas skop Pas Lawatan Profesional Nomad Digital yang merangkumi kemahiran berkaitan pembuatan.

Pas itu membolehkan profesional yang layak seperti pereka elektrik dan elektronik (E&E) serta litar bersepadu (IC) berpeluang berpindah ke Malaysia dan bekerja secara bebas sehingga dua tahun.

Tindakan tersebut kemudian disifatkan oleh penganalisis ekonomi mampu melonjakkan



ANWAR Ibrahim ketika mengadakan pertemuan bersama pemegang taruh Pas Pelabur Strategik dan Pekerja Nomad Digital dalam sektor pembuatan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam.

daya tarikan Malaysia dalam kalangan pelabur asing.

Dalam pada itu, Anwar berkata, keyakinan berterusan Infineon Technologies AG terhadap ekosistem pelaburan Malaysia mencerminkan kedu-

dukan negara ini amat penting dalam rantaian bekalan semikonduktor global.

Beliau berkata, Malaysia kini menjadi hab penting bagi Infineon dalam pembuatan fabrikasi wafer di Kulim, Kedah dan

aktiviti pembungkusan semikonduktor cip di Melaka.

Katanya, perkara itu terbukti melalui jumlah pelaburan sebanyak RM28 bilion yang dilakukan oleh syarikat berkenaan di Malaysia sehingga kini.